

DASAR AP TERBUKA 2024

1. TUJUAN

1.1. Dasar ini bertujuan untuk:

- (i) memperkasa agenda ekonomi Bumiputera dan memberi peluang sama rata kepada usahawan Bumiputera untuk terlibat dalam sektor automotif;
- (ii) memastikan sumbangan dasar AP Terbuka kepada sosio ekonomi negara tidak terjejas; dan
- (iii) memberi lebih banyak pilihan kepada orang ramai untuk membeli kereta import pada harga yang kompetitif.

1.2. Pelaksanaan dasar baharu ini merangkumi:

- (i) Syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh syarikat AP Terbuka;
- (ii) Tindakan ke atas syarikat yang melanggar syarat; dan
- (iii) Fi dan Kompaun AP Terbuka.

1.3. Keperluan AP di bawah dasar baharu ini adalah selaras dengan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023 [P.U. (A) 117/2023].

2. SYARAT-SYARAT YANG PERLU DIPATUHI SEBAGAI SYARIKAT AP TERBUKA

2.1. Syarat-syarat yang perlu dipatuhi sebagai syarikat AP Terbuka adalah seperti berikut:

- (i) Syarikat hendaklah berstatus Bumiputera dengan memenuhi kriteria berikut:
 - a. 100 peratus saham dimiliki oleh Bumiputera;
 - b. Semua Ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada Bumiputera;

- c. Jawatan Ketua Eksekutif, Pengarah Urusan atau Pengurus Besar, Pengurus Cawangan, Pengurus Pemasaran/ Jualan dan jawatan-jawatan penting lain (*key posts*) dipegang oleh Bumiputera; dan
 - d. Pengurusan kewangan dan kuasa menandatangani cek dipegang oleh Bumiputera.
- (ii) Mengekalkan modal berbayar minimum RM1 juta;
 - (iii) Sebarang perubahan pegangan ekuiti dan Ahli Lembaga Pengarah syarikat hendaklah mendapat kelulusan MITI terlebih dahulu;
 - (iv) Pemegang saham/Ahli Lembaga Pengarah/pengurusan syarikat AP Terbuka kereta tidak mempunyai kepentingan dalam syarikat AP Terbuka kereta yang lain;
 - (v) Pemegang saham/Ahli Lembaga Pengarah/pengurusan syarikat AP Terbuka motosikal tidak mempunyai kepentingan dalam syarikat AP Terbuka dalam kategori yang sama;
 - (vi) Perniagaan (pengimportan/penjualan) hendaklah dijalankan oleh syarikat AP Terbuka sendiri tanpa menggunakan syarikat pengantara:
 - a. Pelantikan wakil pengedar adalah tidak dibenarkan;
 - b. Penjualan kenderaan kepada syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan kenderaan baharu/terpakai bagi tujuan penjualan semula adalah tidak dibenarkan; dan
 - c. Pameran/penyimpanan kenderaan di premises syarikat-syarikat lain yang menjalankan perniagaan kenderaan baharu/terpakai adalah tidak dibenarkan.
 - (vii) Syarikat hendaklah menyedia dan mengekalkan kemudahan ruang pejabat dan bilik pameran yang bersesuaian;

- (viii) Syarikat tidak dibenarkan meletakkan kenderaan di cawangan syarikat AP Terbuka sedia ada yang lain;
- (ix) Penubuhan/pembukaan ibu pejabat/cawangan syarikat AP Terbuka hendaklah mendapat sokongan MITI terlebih dahulu;
- (x) Syarikat hendaklah memastikan surat kelulusan/sokongan MITI bagi ibu pejabat dan cawangan sentiasa dipamerkan di premis syarikat;
- (xi) Carta organisasi pengurusan di premis ibu pejabat dan cawangan syarikat hendaklah dipamerkan dengan jelas dan mudah untuk dilihat;
- (xii) Laporan penjualan kenderaan dan/atau fail yang menunjukkan transaksi lengkap setiap unit kenderaan yang berjaya dijual tidak hanya disimpan di ibu pejabat sahaja. Salinan laporan juga hendaklah disimpan di cawangan yang mana transaksi penjualan kenderaan dibuat;
- (xiii) Kenderaan mesti dipamer atau disimpan di premis yang diluluskan oleh MITI sahaja;
- (xiv) Kenderaan yang dibenarkan import adalah:
 - a. Kenderaan penumpang terpakai/motosikal terpakai yang berusia di antara satu (1) tahun hingga lima (5) tahun dari tarikh pendaftaran pertama di negara asal;
 - b. Kereta elektrik (EV) terpakai yang berusia di antara satu (1) tahun hingga tiga (3) tahun dari tarikh pendaftaran pertama di negara asal;
 - c. Kenderaan penumpang baharu/motosikal baharu yang tidak mempunyai sekatan jenama;
 - d. Kenderaan penumpang/motosikal baharu atau terpakai yang tidak mempunyai sekatan model;
 - e. Motosikal berkapasiti enjin 250cc dan ke atas sahaja;

- f. Kenderaan penumpang baharu/terpakai yang dikategorikan sebagai kenderaan mewah; dan
 - g. Kenderaan penumpang yang tidak berpotensi memberi saingan dan menjejaskan pasaran kenderaan pemasangan tempatan.
- (xv) Pengimportan kereta elektrik (EV) dan motosikal elektrik (EV) turut tertakluk kepada syarat-syarat tambahan seperti berikut:

Kereta elektrik (EV):

- a. Kereta penumpang dengan had kuasa motor minimum 200 kW sahaja;
- b. Harga jualan kereta atas jalan (*on the road* - OTR) hendaklah melebihi RM250,000 seunit; dan
- c. Model kereta elektrik (EV) yang hendak diimport perlu mempunyai pensijilan UNR100 versi 3 dan MS ISO:17840 – Road vehicles – Information for first and second responders.

Motosikal elektrik (EV):

- a. Tidak tertakluk kepada syarat had kuasa motor;
 - b. Harga jualan atas jalan hendaklah tidak kurang dari RM12,000; dan
 - c. Model motosikal elektrik (EV) yang hendak diimport perlu mempunyai pensijilan UNR136 atau MS 2413.
- (xvi) Tarikh dokumen pengimportan (Bill of Lading/Airway Bill) mestilah tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh syarikat mengemukakan permohonan di MITI;
- (xvii) AP (Borang JK69) yang telah diluluskan oleh MITI secara *online* hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum kenderaan tiba di pelabuhan;

- (xviii) Semua peruntukan AP hendaklah digunakan pada tahun semasa iaitu sebelum 31 Disember setiap tahun atau tarikh-tarikh yang ditetapkan oleh MITI;
- (xix) Semua urusan pengimportan hendaklah diselesaikan dalam tempoh masa sah laku AP (6 bulan) atau sebelum 31 Disember setiap tahun;
- (xx) Maklumat yang dinyatakan di dalam dokumen sokongan pengimportan seperti *invois, Bill of Lading, export certificate/cancellation of registration* dan *preservation record/HPI Record* hendaklah sama dengan maklumat AP;
- (xxi) Mengemukakan Penyata Kewangan Beraudit terkini dan slip pembayaran cukai korporat tahunan kepada LHDN sebelum peruntukan AP tahunan dikeluarkan kepada setiap syarikat;
- (xxii) Mengemukakan laporan prestasi import dan jualan beserta salinan dokumen hak milik kenderaan dan slip cukai jalan serta penyata pergerakan stok sebelum 10 haribulan pada setiap bulan. Syarat ini tidak terpakai bagi ahli PEKEMA yang mengemukakan laporan prestasi import dan jualan menerusi PEKEMA *Approved Permit Digitization Verification System 2.0* (PEKEMA APDVS 2.0); dan
- (xxiii) Menyediakan:
 - a. Jaminan penyelenggaraan (warranty) sekurang-kurangnya setahun kepada pembeli; dan
 - b. Sekurang-kurangnya perkhidmatan selepas jualan dan penyelenggaraan atau bekerjasama dengan Original Equipment Manufacturer (OEM) untuk penyelenggaraan.

3. TINDAKAN KE ATAS SYARIKAT YANG MELANGGAR SYARAT

Sekiranya terdapat pelanggaran garis panduan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan, peraturan dan undang-undang lain yang berkuat kuasa serta pemalsuan maklumat yang berkaitan, MITI pada bila-bila masa berhak untuk mengambil tindakan seperti berikut:

- (i) Menarik balik kelayakan menjadi syarikat AP Terbuka serta menyenarai hitam pemegang saham dan Ahli Lembaga Pengarah daripada menjadi syarikat AP Terbuka;
- (ii) Membekukan pengeluaran peruntukan AP; atau/dan
- (iii) Tindakan-tindakan lain sewajarnya.

4. FI DAN KOMPAUN AP TERBUKA

- 4.1. Syarikat AP Terbuka perlu mengemukakan permohonan AP dan membuat pembayaran fi secara atas talian melalui Sistem e-Permit selepas permohonan AP diluluskan. Fi sebanyak RM10,000.00 dikenakan bagi setiap unit AP Terbuka Kereta manakala fi RM20,000.00 akan dikenakan kepada AP Terbuka Kereta yang ke 35,001 dan ke atas.
- 4.2. Fi dan kompaun yang dikenakan adalah berdasarkan Peraturan-peraturan Kastam (Fi Lesen Import Kenderaan Bermotor) 2016.

5. PERTANYAAN LANJUT

Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan AP Terbuka, sila hubungi:

**Seksyen Kawalan Eksport dan Import (SKEI)
Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
Aras 2, Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur**

Nombor telefon : 03-6208 4970
E-mel : apterbuka@miti.gov.my